

7 JAN 1996

Australia-lawatan (Bergambar)

LAWATAN KEATING BUKA LEMBARAN BARU DALAM HUBUNGAN AUSTRALIA-M'SIA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Hubungan Malaysia-Australia sering melalui liku-liku ketegangan tetapi Canberra sentiasa berusaha memulihkan keadaan sejak dua tahun lepas dan kemuncaknya ialah lawatan oleh Perdana Menteri Australia Paul Keating ke sini pertengahan bulan ini.

Hubungan diplomatik antara kedua-dua negara berada pada tahap paling rendah pada 1993 apabila Keating menyifatkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai degil (recalcitrant) kerana enggan menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi ketua-ketua kerajaan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang pertama di Seattle pada November tahun berkenaan.

Sejak itu, mereka bertemu sebanyak tiga kali -- di Bogor (Indonesia) pada 1994 semasa mesyuarat tidak rasmi kedua pemimpin-pemimpin APEC, pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Auckland (New Zealand) dan sidang kemuncak tidak rasmi ketiga APEC di Osaka tahun lepas.

Keating dijadual tiba pada 15 Jan untuk lawatan rasmi selama dua hari, lawatan pertamanya ke Malaysia sejak menjadi Perdana Menteri empat tahun lepas.

Sungguhpun Keating tidak meminta maaf terhadap kata-katanya itu, beliau bagaimanapun melahirkan rasa kesalnya terhadap kenyataan berkenaan dan ini diterima dengan baik oleh Dr Mahathir yang memberitahu pemberita selepas bertemu Keating di Bogor bahawa perkataan "recalcitrant" itu "sudah tiada lagi dalam perbendaharaan kata."

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia John Dauth yang mengakui bahawa hubungan dua hala antara kedua-dua negara menghadapi masalah pada masa lepas, tetapi ia "sangat kukuh sejak dua tahun lepas."

"Hubungan antara kedua-dua negara adalah sangat baik berbanding dengan masa-masa lampau kerana kedua-dua pihak kini memahami faedah bersama dalam hubungan mereka," kata beliau kepada Bernama.

Dauth, yang akan menamatkan tugasnya selama tiga tahun di sini bulan ini berkata "peristiwa 1993" itu adalah "masalah terakhir yang dihadapi dalam hubungan kedua-dua negara dan tidak timbul lagi sebarang masalah selepas itu."

"Terdapat banyak perbezaan antara kedua-dua kerajaan tetapi ia telah diatasi dengan baik dan tidak ada lagi masalah selepas itu," kata beliau.

Pada awal 1994 hubungan antara Malaysia dan Australia keroh lagi oleh laporan media Australia kononnya Perkhidmatan Perisikan Sulit Australia telah memberi rasuah kepada beberapa orang ahli politik pembangkang Malaysia.

Keating sekali lagi menimbulkan kemarahan para pemimpin Malaysia apabila beliau mendakwa bahawa syarikat-syarikat pembalakan Malaysia ialah antara tiga negara yang terlibat dalam "mengaut keuntungan daripada Kepulauan Solomons dengan memberikan bayaran yang tidak setimpal untuk hasil hutan negara berkenaan."

Dauth bagaimanapun berpendapat bahawa lawatan Keating ke Malaysia akan mengukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin.

"Itulah yang beliau (Keating) hendak lakukan sejak sekian lama dan sememangnya ditunggu-tunggu oleh rakyat Australia," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau hairan juga kenapa "setiap kali keadaan pulih, perkara lain pula akan berlaku."

Ketika mengakui bahawa beliau tidak dapat memahami perkara di sebalik "salah faham yang berterusan" itu, Dauth berpendapat ia sebahagiannya disebabkan oleh "hubungan sekarang lebih berasaskan kepada sejarah dan

bukannya memandang ke hadapan."

Beliau berkata sejak itu kedua-dua kerajaan telah sedar bahawa untuk mendapat keuntungan daripada hubungan mereka, mereka perlu bekerja keras.

"Kita tidak boleh memandang remeh terhadap hubungan dua hala...kita perlu mencari jalan dan melihat ke hadapan bersama-sama," kata beliau.

Dauth berkata bahawa pada masa lampau, hubungan Australia-Malaysia dibina sebahagiannya berasaskan kepada sentimen.

Katanya lawatan Keating itu bukannya untuk memberikan gambaran baik (kepadanya) bagi menghadapi pilihan raya Australia yang dijangka diadakan awal tahun ini sungguhpun Dauth mengakui bahawa lawatan itu akan memberikan kelebihan kepada Keating dalam pilihan raya berkenaan.

Beliau berkata lawatan itu bukan sekadar satu "lawatan perniagaan", lebih-lebih lagi ketika perdagangan dua hala antara kedua-dua negara mencapai antara RM7,000 juta dan RM8,000 juta, yang disifatkan oleh Dauth sebagai menguntungkan kedua-dua pihak.

Perangkaan Lembaga Pelaburan Asing menunjukkan bahawa pada 1994 pelaburan Malaysia di Australia bernilai lebih A\$1,000 juta dengan hampir separuh daripadanya dalam bidang hartanah.

Beberapa Memorandum Persefahaman akan ditandatangani antara sektor swasta kedua-dua negara semasa lawatan berkenaan. -- BERNAMA